

Lembaran Pendedahan Produk



Pelanggan Yang Dihargai,

Lembaran Pendedahan Produk (LPP) ini direka untuk memberikan anda beberapa maklumat penting tentang insurans motor anda.

Pelanggan lain telah membaca LPP ini dan mendapati ia bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

Tarikh: 15 November 2025

1 Apa itu Z-Rider?

Z-Rider ialah polisi insurans kenderaan yang disediakan untuk melindungi anda dan kenderaan berdaftar anda daripada kerugian kewangan. Anda boleh memilih daripada tiga jenis perlindungan: Pihak Ketiga dan Komprehensif.

Perlindungan Komprehensif melindungi anda daripada kerugian kewangan akibat kerosakan tidak sengaja, kebakaran, atau kecurian kenderaan anda. Perlindungan Pihak Ketiga pula melindungi anda daripada tuntutan sekiranya kenderaan anda menyebabkan kecederaan badan, kematian, atau kerosakan harta benda kepada pihak lain.

2 Ketahui Perlindungan/Manfaat Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM 285.49** setahun, anda akan menerima perlindungan seperti berikut:

Jumlah Diinsuranskan (RM)	5,000.00	Kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD)	0.00%
Perlindungan Tambahan (Ini boleh diperolehi dengan premium tambahan)			
Penerangan	Premium / Jumlah Diinsuranskan		
a. Perlindungan liabiliti pembonceng	RM 15		
b. Kerosakan akibat banjir dan tanah runtuh	RM 10		
c. Kerosakan akibat mogok, rusuhan dan kekacauan awam	RM 15		
d. Asas kemalangan diri	RM 10 Dengan Jumlah Diinsuranskan RM 5,500		

Nota: Senarai ini adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk **Lampiran** untuk senarai penuh perlindungan tambahan di bawah Polisi ini.

Polisi insurans anda melindungi:

- Tanggungjawab kepada pihak lain atas kecederaan atau kematian
- Kerosakan harta benda pihak lain
- Kerosakan pada kenderaan anda akibat kemalangan atau kebakaran
- Kecurian kenderaan anda

Polisi motor anda **mengecualikan:**

- Kematian anda atau kecederaan anggota badan sendiri akibat kemalangan kenderaan
- Liabiliti anda terhadap tuntutan daripada pembonceng di dalam kenderaan anda
- Kerugian, kerosakan atau liabiliti akibat aktiviti haram dan di bawah pengaruh dadah atau alkohol
- Kerugian, kerosakan akibat penipuan atau jenayah pecah amanah

Nota: Senarai ini tidak menyeluruh. Sila rujuk kontrak Polisi untuk senarai penuh pengecualian yang terdapat di bawah Polisi ini.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans motor anda, anda boleh:



Telefon Kami di
1300-888-622



Emel Kami di
callcentre@zurich.com.my



Kunjungi Kami di
www.zurich.com.my



Imbas kod QR di atas

3

Ketahui Kewajipan Anda

Untuk polisi insurans motor ini, anda mesti membayar premium sebanyak:

Premium asas	RM	205.08 (setiap tahun)
(-) Kelayakan NCD 0.00%	RM	(0.00)
(+) Perlindungan tambahan	RM	50.00 (setiap tahun)
Premium kasar	RM	255.08
(+) Cukai Perkhidmatan 8%	RM	20.41
(+) Hasil Setem	RM	10.00
Komisen		10% daripada premium kasar atau RM 25.51
Jumlah premium yang perlu dibayar	RM	285.49

Nota: Kadar premium adalah tertakluk kepada risiko standard. Terma dan kadar polisi mungkin berbeza bergantung kepada keperluan pengunderaitan kami.



Maklumat Penting Yang Perlu Anda Ketahui

A	Tempoh perlindungan adalah selama 1 tahun. Anda perlu memperbaharui perlindungan insurans setiap tahun..
B	Anda mesti mempunyai kepentingan insurans yang dibenarkan ke atas kenderaan yang ingin anda lindungi. Ini bermakna anda akan mengalami kerugian kewangan atau liabiliti undang-undang sekiranya berlaku kejadian yang dilindungi. Adalah penting untuk mendapatkan perlindungan insurans sebaik sahaja anda mengambil pemilikan kenderaan tersebut.
C	Anda mesti mendedahkan semua fakta berkaitan yang boleh mempengaruhi profil risiko kenderaan anda seperti sebarang kemalangan sebelum ini, pengubahsuaian enjin, dan tujuan penggunaan kenderaan anda (contohnya, persendirian, perniagaan, atau untuk disewa), umur kenderaan, jenama dan model, umur pemegang polisi, pengalaman memandu pemegang polisi dan pemandu, lokasi dan alamat tempat kenderaan disimpan, kelayakan Diskaun Tanpa Tuntutan (NCD), dan sebagainya.
D	Premium yang perlu dibayar mesti dibayar dan diterima oleh kami sebelum perlindungan bermula. Perlindungan insurans ini secara automatik terbatal sekiranya syarat ini tidak dipatuhi.
E	Premium boleh dibayar secara Kad Debit / Kredit atau Pembayaran Dalam Talian kepada kami.
F	Adalah penting untuk menerima sesalanan resit daripada kami dan sila simpan resit ini sebagai bukti premium telah dibayar.
G	Anda mesti memastikan kenderaan anda dilindungi berdasarkan nilai pasaran kenderaan anda pada waktu anda memohon polisi motor ini kerana ia akan mempengaruhi jumlah yang boleh anda tuntutan.
H	Sekiranya berlaku tuntutan, anda perlu memaklumkan kepada kami dalam tempoh 7 hari dari tarikh kejadian. Anda boleh berbuat demikian dengan: 1. Menghubungi Bantuan Tepi Jalan 24-Jam kami di 1-300-88-5566 atau WhatAapp ke 03-2109 6845 2. e-Request di zurich.carfix.my Untuk maklumat mengenai proses tuntutan, sila layari https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims/claims-process .
I	Sekiranya anda membuat tuntutan kerosakan sendiri terhadap polisi anda, anda mesti menghantar kenderaan anda ke mana-mana bengkel panel yang diluluskan oleh kami. Sila layari https://www.zurich.com.my/customer-hub/my-claims/panel-workshops/workshops-for-motor-insurance-and-takaful untuk senarai bengkel panel yang diberi kuasa bagi insurans dan takaful motor. Kami akan memeriksa kenderaan anda sebelum memberi kelulusan untuk kerja-kerja pembaikan dijalankan. Kami berhak menolak tuntutan di bawah polisi sekiranya anda melanggar syarat ini.
J	Had Wilayah – Malaysia, Singapura dan Brunei.
L	Untuk terma dan syarat umum yang lain, sila rujuk kepada www.zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions .
Nota: Senarai ini tidak lengkap. Anda harus merujuk kepada kontrak Polisi untuk terma dan syarat di bawah Polisi ini.	



Boleh saya membatalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi anda dengan memberikan notis bertulis dan mesti mengembalikan Sijil Insurans (CI) asal kepada kami atau membuat Akuan Berkanun sekiranya CI hilang.

- Sekiranya pembatalan dibuat, anda berhak menerima pemulangan premium berdasarkan perkara berikut:
 - Asas Pro-Rata jika polisi telah diperbaharui berterusan dengan kami.
 - Asas Pro-Rata jika polisi dibatalkan dan polisi yang dibatalkan akan digantikan dengan polisi baru dalam tempoh 12 bulan dari tarikh pembatalan.
 - Asas Jangka Pendek jika kenderaan anda baru dilindungi dengan kami untuk tempoh kurang daripada 12 bulan.
- Tiada pemulangan premium jika premium minimum telah dibayar atau terdapat tuntutan yang dibuat ke atas polisi tersebut.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Zurich General Insurance Malaysia Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Lampiran

Penerangan Perlindungan Tambahan	Jumlah Diinsuranskan / Premium		
Mogok, Rusuhan dan Kekecohan Awam	0.3% daripada jumlah diinsuranskan		
Perlindungan Tambahan Bencana Khas	RM10		
Perluasan Perlindungan ke Negara Thailand	20% daripada premium selepas NCD		
Liabiliti dari Segi Undang-undang terhadap Pembonceng	RM15		
Asas Kemalangan Diri	Unit	Jumlah Diinsuranskan (RM)	Premium (RM)
	1	4,000.00	6
	2	8,000.00	12
	3	12,000.00	18
	4	16,000.00	24
5	20,000.00	30	
Pengecualian Penambahbaikan	RM5		
Pengecualian untuk Ekses Wajib	RM4		
Asas Kemalangan Diri – untuk Penunggang Dibenarkan dan Pembonceng	RM10 dengan jumlah diinsuranskan RM5,500.0		
Faedah Pendapatan Hospital – Orang Yang Diinsuranskan	RM5 dengan jumlah diinsuranskan RM9,000.00		
Faedah Pendapatan Hospital – Penunggang Dibenarkan	RM5 dengan jumlah diinsuranskan RM9,000.00		
Z-Rider Plus (layak untuk kenderaan kurang daripada 250cc)	Jumlah Diinsuranskan / Pakej		
Elaun Peril Khas Terhad	RM1,000.00		
Penambahan Had untuk Kos Penundaan Kemalangan	RM100,00		
Kos Tunda untuk Kerosakan / Kecemasan (untuk Polisi Motosikal Komprehensif sahaja)	60KM		
Asas Kemalangan Diri – Orang Yang Diinsuranskan	RM5,500.00		
Semua Penunggang	50% daripada premium asas		